

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 OKTOBER 2013 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pusat robotik pertama	Utusan Malaysia
2.	Timber industry needs restructuring: MTIB	The Sun
3.	Pembelajaran, Pengajaran Sains Secara Kreatif Tarik Minat Pelajar	Bernamea.com
4.	SK St. Francis, Melaka juara Cabaran Angkasa	Kosmo
5.	IKS Perlu Pasarkan Produk Ikut Piawaian	Bernamea.com
6.	Growing awareness for green buildings	The Malay Mail
7.	MDV minta tambahan dana RM200j	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 11 OKTOBER 2013 (JUMAAT)

Pamer penyelesaian inovatif untuk pelbagai sektor

Pusat robotik pertama

Oleh **FAZRINA AYU RADUIAN**
ekonorm@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Syarikat peneraju teknologi kuasa dan automasi, ABB Malaysia Sdn. Bhd. hari ini melancarkan pusat robotik pertama di negara ini dengan nilai pelaburan kira-kira RM3 juta.

Presidennya, Stephen Pearce berkata, pusat seumpama itu akan memperkukuhkan komitmen serta usaha strategik untuk mendekatkan teknologi robotik yang unggul kepada pasaran tempatan.

"Ini akan membolehkan ABB untuk bertindak dengan lebih pantas kepada keperluan pelanggan serta pasaran di sam-

ping menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi dan teknologi terkini.

"Ia selaras dengan matlamat strategi pertumbuhan jangka panjang kami," katanya ketika majlis pelancaran pusat robotik itu di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah; Naib Presiden Robotik Jabatan Automasi dan Pergerakan ABB, Steven Lim dan Naib Presiden Kanan Robotik Jabatan Automasi dan Pergerakan ABB Asia Selatan, Pauli Jarvinen.

Pusat ini akan mempamerkan penyelesaian inovatif untuk aplikasi di pasaran utama seperti automotif, fabrikasi logam, makanan dan minuman, elektronik dan plastik.

Stephen berkata, pusat itu juga membuka peluang untuk membangunkan kepakaran tempatan, sekali gus menjadikan Malaysia sebuah negara yang mampu mengeluarkan produk berteknologi tinggi.

Dalam pada itu, Steven berkata, pusat ini juga akan membantu syarikat dalam pertumbuhan industri automotif di negara ini serta negara jiran seperti di Indonesia, Vietnam dan Filipina.



DR. ABU Bakar Mohamad Diah diiringi Presiden dan Pengurus Negara ABB Sdn. Bhd., **Stephen Pearce** (kanan) dan pengurusan kanan syarikat ABB melawat tapak pameran selepas majlis pelancaran Pusat Robotik Itu di Subang Jaya, semalam. - UTUSAN/AIZZUL A.MAJID

Timber industry needs restructuring: MTIB

> Local players told to give greater emphasis to high value-added products

BY LIEW JIA TENG
sunbiz@thesundaily.com

CYBERJAYA: Regulators have called for a restructuring of the country's timber industry for it to remain competitive, pointing out that local timber players should give greater emphasis to producing downstream or high value-added products over primary processing of the commodity.

Malaysian Timber Industry Board (MTIB) director-general Dr Jalaluddin Harun said this is in line with the government's target of increasing value-added timber products to 60% of total timber export revenue and with the remaining 40% from primary products by 2020.

Currently, the reverse is true. Last year, value-added products such as furniture, moldings, builders joinery and carpentry (BJC) and wooden frame contributed 44% of total timber export revenue, with the rest coming from sawn timber, plywood, veneer and panel products which are categorised as primary products.

Jalaluddin described the timber sector as a sunrise industry, which "will only grow brighter".

"Having said that, we will be facing a lot of challenges moving forward, and the survival of the industry is very much dependent on high value-added products," he told *SunBiz* in an interview.

"Therefore, we need to have our own standards," he said.

The timber industry contributes some RM20 billion to the country's exports a year and some RM13 billion each year to the domestic market.

"For 2013, we expect timber exports to reach RM20.9 billion," said Jalaluddin.

Under the National Timber Industry Policy (Natip), Malaysia's timber exports are targeted to reach RM53 billion by 2020, which would require the industry to grow by 6.4% per year with emphasis in high



Jalaluddin (right) says the timber sector is a sunrise industry. Looking on is Fadilah.

value-added products.

Jalaluddin said the top three contributors of the timber industry are furniture, plywood and sawn timber.

"For these products to remain competitive in the international market, the industry needs to comply with certain standards and products quality imposed by both buyers and importers," he said.

MTIB has teamed up with the Department of Standards Malaysia (Standards Malaysia) to raise standards in the industry.

Standards Malaysia director-general Fadilah Baharin said there is the need to create awareness about formaldehyde in pressed timber products.

She cited countries like Taiwan, Japan and the US have adopted standards for the acceptable levels of formaldehyde emission from plywood and other wood-based panel products.

Formaldehyde exposure may result in respiratory difficulties as well as eye, nose and throat irritation.

At the moment, the standards are designed for only voluntary used and do not impose any mandatory regulations.

To enhance wood products quality and protect consumers in the aspects of health and product safety, Jalaluddin said MTIB will work closely with relevant authorities such as Standards Malaysia to make the standards into mandatory requirements through laws and legislation.

For starters, MTIB has been appointed as a standard development agency to ensure faster development and implementation of standardisation activities, as the standards developed will be more market-relevant, catering to specific needs of local industries and adhering to global best practices.

On the government's part, it has allocated RM1 billion for a 15-year programme to plant 375,000ha with high value timber trees by 2020.

Jalaluddin said a total of RM742 million has been approved under this programme covering an area of 114,952ha. Out of this total, 76,597ha has been planted.



Pembelajaran, Pengajaran Sains Secara Kreatif Tarik Minat Pelajar

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Teknik pembelajaran dan pengajaran Sains perlu lebih kreatif dan bersifat interaksi bagi menarik minat pelajar mendalami subjek itu.

Pengarah Bahagian Pendidikan Sains Angkasa Planetarium Negara, Azreena Ahmad berkata pelajar didapati lebih cenderung memahami sesuatu perkara saintifik dengan cara praktikal atau 'hands-on' berbanding tutorial.

"Para pelajar lebih mudah mengingat dan memahami ilmu Sains apabila mereka lebih dilibatkan dalam aktiviti berbentuk praktikal seperti eksperimen dan reka cipta kerana ia membantu kemahiran berfikir," katanya kepada Bernama sempena sambutan Minggu Angkasa Sedunia ([MAS](#)) 2013 di ibu negara, Khamis.

Seperti sambutan itu, Azreena berkata pelajar diberi peluang berkomunikasi secara terus dengan angkasawan di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) melalui sidang video yang disediakan di Planetarium Negara.

Selain menjawab pertanyaan, para angkasawan juga memperlihatkan kehidupan di ISS bagi memberi inspirasi kepada para pelajar, katanya.

Bertemakan 'Exploring Mars, Discovering Earth', [MAS](#) yang disambut pada 4 hingga 10 Okt setiap tahun menyediakan pelbagai aktiviti kepada pengunjung termasuk pameran Sains dan eksperimen.

--BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 21
TARIKH: 11 OKTOBER 2013 (JUMAAT)**



JUSTIN PETER ROYAL (depan, dua dari kiri) dan Muhammad Nazhif Mohd. Shamsul (depan dua dari kanan) dari SK St. Francis, Melaka bergambar dengan peserta akhir Cabaran Angkasa Piala Perdana Menteri 2013 di Planetarium Negara baru-baru ini.

SK St. Francis, Melaka juara Cabaran Angkasa

JUARA. Sekolah Kebangsaan (SK) St. Francis, Melaka dinobatkan sebagai juara kejohanan Cabaran Angkasa Negara (Cabaran Angkasa) bagi merebut Piala Perdana Menteri di Planetarium Negara, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Selain SK St. Francis sebanyak empat buah sekolah lain berjaya melayakkan diri pada peringkat akhir kejohanan tersebut iaitu SK Puteri dari Negeri Sembilan, SK ST. George (1) dari Perak, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Han Chiang dari Pulau Pinang



dan SK Convent (2) Klang dari Selangor.

Kelima-lima sekolah itu berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir daripada 15 buah sekolah yang bertanding pada peringkat sebelum ini.

Pada program tahunan anjuran Agensi Angkasa Negara (Angkasa) itu para peserta diuji dengan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang sains angkasa menjurus kepada sistem suria, buruj, satelit, pembinaan roket, galaksi, cuaca angkasa, pencemaran cahaya dan teleskop.



IKS Perlu Pasarkan Produk Ikut Piawaian

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di kawasan luar bandar perlu memberi penekanan secara berterusan terhadap aspek pemasaran produk dan perkhidmatan mereka mengikut piawaian yang ditetapkan.

Setiausaha Bahagian Pengupayaan Ekonomi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) Dr Megat Sany Megat Ahmad Supian berkata perkara itu penting supaya produk yang dipasarkan dapat memenuhi permintaan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Beliau berkata bagi memastikan proses pemasaran yang berdaya saing, kerajaan menerusi KKLW sentiasa komited membantu usahawan luar bandar dengan mewujudkan pelbagai mekanisme dalam pembangunan pemasaran produk.

"Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan sehingga kini, seramai 6,189 usahawan IKS luar bandar telah mendapat bantuan daripada kementerian dan agensi terlibat bagi memasarkan produk dan perkhidmatan mereka. Bantuan berkenaan dilaksanakan menerusi pelbagai program dan aktiviti pemasaran yang melibatkan peruntukan sebanyak RM24.52 juta," katanya ketika ditemu bual menerusi program Dalam Radar, terbitan Bernama Radio24.

Menurut Megat, mekanisme yang diguna pakai dalam program pembangunan pemasaran produk ialah menerusi strategi yang digariskan dalam Teras Kedua Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) iaitu Pembangunan Ekonomi Yang Berdaya Maju, Berdaya Saing dan Berdaya Tahan.

Jelas beliau, antara pendekatan yang diterapkan ialah pelaksanaan latihan kemahiran dan khidmat nasihat bagi tujuan peningkatan kualiti produk.

"Pendekatan ini dapat memastikan pengendalian operasi pengeluaran produk yang teratur, menambah baik reka bentuk pembungkusan dan pelabelan produk. Semua program latihan dan bimbingan berkenaan dilaksanakan oleh kementerian dengan kerjasama agensi-agensi teknikal seperti [SIRIM Berhad](#) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)," katanya.

Megat berkata kementerian turut mengambil pendekatan mempertingkatkan kerjasama dengan pihak swasta yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu untuk membantu produk dan perkhidmatan yang dihasilkan usahawan IKS luar bandar menembusi pasaran luar negara melalui penyertaan dalam aktiviti ekspo dan karnival.

Selain itu, kementerian kini giat menyelaraskan pelaksanaan inisiatif Pengurusan Rantaian Bekalan Hasil Makanan di bawah Program Transformasi Luar Bandar yang berkait secara langsung dengan aktiviti pemasaran produk usahawan.

Katanya, inisiatif ini bagi memastikan pengurusan rantaian bekalan dapat dilakukan secara cekap dan berkesan dari peringkat ladang kepada pengguna.

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (GET REAL): MUKA SURAT 33
TARIKH: 11 OKTOBER 2013 (JUMAAT)

KUALA LUMPUR

Growing awareness for green buildings

By PAVITHER SIDHU
pavither@mmmail.com.my

THE development of green buildings in Malaysia has attracted the attention of neighbouring countries and recently, a group of well-established and talented architects from Vietnam visited Malaysia for this.

NS BlueScope Malaysia, formerly known as BlueScope Steel (Malaysia) Sdn Bhd, together with NS BlueScope Vietnam, hosted its first green architecture gathering with a group of architects from Vietnam to highlight the development of green architecture and buildings in Malaysia.

Notable architects from Vietnam who attended the event shared their knowledge and experience on the practices, processes and materials for the creation of truly sustainable environments.

Also highlighted was the development of green architecture and buildings in Malaysia as well

as sustainable building materials that prioritise reduction in energy consumption and wastage.

The newly-appointed NS BlueScope President for Malaysia, Singapore & Brunei, Pongsak Padungkarn, sees Malaysia as a country that strongly advocates sustainable buildings as solutions to reduce adverse environmental impacts.

"The Malaysian government has shown tremendous support in encouraging green policies, including income tax exemption for Green Building Index (GBI) certified buildings, the Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Act and the **SIRIM Eco Label**.

"As such, there has been a growing awareness for green construction, leading towards a paradigm shift to construct buildings in a sustainable manner," Pongsak said.

President of Pertubuhan Arkitek Malaysia, Chan Seong Aun, shared his philosophy on sustainable architecture, saying: "In Malaysia, there is a growing



GREEN TOUR: The group of architects visited the GEO building, the first GBI building and completed green-rated building in Malaysia

demand for green architecture. As modern urbanisation grows more prevalent, architects such as us play a critical role in the preservation of our planet's environment and natural resources."

Chan added: "As socially-responsible architects, it is our role to design buildings that address environmental issues while maximising environmental elements such as heat, water retention, and wind, without having to sacrifice the aesthetic demands, while

striving to make a difference in the green education environment by providing quality service and staying informed about the new trends in the industry."

Adding to that, the group of architects visited the Malaysian Energy Centre at the Green Energy Office (GEO) Building. Built in 2005, the GEO Building is the first GBI building and the first completed green-rated office building in Malaysia.

Vietnam-based HBP Architect

representative Ton That Viet said the visit to the GEO Building has expanded their perspective on how green architecture can help to create a conducive environment while promoting sustainable development.

"This visit to Malaysia has been a fruitful trip in understanding sustainable practices in Malaysia and we do hope that we will be able to adopt some of the practices in Vietnam as well," Ton said.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT B5
TARIKH: 11 OKTOBER 2013 (JUMAAT)

MDV minta tambahan dana RM200j

Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) memohon peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta bagi Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) untuk disalurkan pada tahun depan.

Ketua Eksekutif dan Pengarah Urusannya, Datuk Md Zubir Ansori Yahaya, berkata tahun lalu, kerajaan meluluskan peruntukan GTFS kepada MDV sebanyak RM200 juta, namun ia kini sudah hampir habis disalurkan.

Katanya, peruntukkan GTFS yang dimilikinya kini hanya tinggal RM50 juta dan berdasarkan kepada sambutan menggalakkan yang diterima bagi skim itu, pihaknya menjangkakan ia akan habis menjelang akhir tahun ini.

"Bagi MDV, kami memperuntukkan RM500 juta untuk disalurkan bagi teknologi hijau, dan dengan tambahan RM200 juta lagi dalam bentuk jaminan kerajaan akan memudahkan lagi usaha kami membiayai peserta industri," katanya kepada *BH* di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau sebelum itu mewakili MDV bagi memeterai perjanjian dengan Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) yang diwakili Ketua Eksekutifnya, Ahmad Hadri Haris.